

**PATRIOTISME DAN NASIONALISME**  
**PERSURATAN MELAYU**  
**DALAM PERADABAN MALAYSIA**

SIRI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Penyelenggara  
**Abdul Latiff Abu Bakar**




# PATRIOTISME DAN NASIONALISME PERSURATAN MELAYU DALAM PERADABAN MALAYSIA

---

SIRI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

---

Penyelenggara  
**Abdul Latiff Abu Bakar**





UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM • 2012

**Sidang Pengarang**

Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar (Penyelenggara)  
Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Yusof Hasan (Penilai)  
Prof. Madya Datuk Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin (Penilai)  
Puan Wan Zaidah Wan Yusof (Penyunting Luar)  
Cik Asiah Abd Rahman (Penyunting dalam)  
Cik Nazeema Mohd Yusof (Pengurusan)

Cetakan Pertama / First Printing, 2012  
© Universiti Pendidikan Sultan Idris

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Peradaban Melayu terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Institute of Malay Civilization.*

diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*  
INSTITUT PERADABAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia  
Tel: 05-4584142, Fax: 05-4595314  
Laman Web / Website: [www.upsi.edu.my](http://www.upsi.edu.my)  
[pengarah@ipm.upsi.edu.my](mailto:pengarah@ipm.upsi.edu.my)

dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*  
The Colors Solution

Grafik dan Susun Atur / *Graphic & Typesetting*  
Mohd Rizal Jaffar

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

## ISI KANDUNGAN

### Pengenalan...v

**Peranan Puisi dalam Gerakan Kebangsaan di Malaysia...7**  
Abdul Latiff Bin Abu Bakar

**Patriotisme dalam Puisi-Puisi Penyair Wanita di Malaysia...23**  
Ani Haji Omar

**Peranan Novel Sejarah dalam Gerakan Kebangsaan di Malaysia...45**  
Mohamad Saleeh Rahamad

**Peranan Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) dalam Patriotisme  
Persuratan Melayu...61**  
Azhar Hj. Wahid

**Pemahaman Sejarah Terkini Terhadap Penceritaan Perjuangan Menentang  
Penjajah dalam Novel `Pahlawan Rimba Malaya` Karya Keris Mas...71**  
Abdul Halim Ali

**Patriotisme dalam Novel Ratab Rabbitah: Perjuangan Seorang Wanita...79**  
Naffi Mat

**Peranan Novel Bukit Kepong dalam Membangkitkan Semangat Patriotisme  
Menentang Fahaman Komunis...87**  
Mohd Rosli Saludin

## **ISI KANDUNGAN**

**Jati diri Drama Malaysia: Kajian Terhadap Drama Patriotisme...115**

Ab. Rahman Napiah

**Usman Awang: Peranan Sasterawan sebagai Patriot...131**

Zurinah Hassan

**Penglibatan Penulis-Penulis Perak dalam Perjuangan Patriotisme dan Kemerdekaan Tanah Air...145**

Talib Samat

**Pengaruh Kesusasteraan Malaysia Terhadap Patriotisme Indonesia...171**

Abdul Malik

**Peranan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu dalam Memartabatkan Bahasa Melayu dan Pembinaan Negara Bangsa...181**

Abdullah Hassan

**Perjuangan Memartabatkan Bahasa Melayu dalam Pemupukan Semangat Kebangsaan di Malaysia...247**

Zulkeflee Hj. Yaacob

# PENGARUH KESUSASTERAAN MALAYSIA TERHADAP PATRIOTISME INDONESIA

Abdul Malik\*

## Pengenalan

Setakat ini sama halnya dengan kesusasteraan Indonesia, kesusasteraan Malaysia telah berkembang pesat. Kesusasteraan di kedua-dua negara serumpun ini pada awalnya bertolak dari akar tradisi yang sama iaitu Kesusasteraan Melayu. Oleh itu, tidak menghairankan apabila Hamzah Fansuri, Tun Seri Lanang, Abdullah bin Abdulkadir Munsyi, dan Raja Ali Haji (sekadar menyebut beberapa orang pengarang sahaja), dianggap sebagai Bapa Kesusasteraan bersama antara Indonesia dan Malaysia, bahkan tentu sahaja Singapura dan Brunei Darussalam. Juga berkongsi tokoh yang sama sejarah, terutama pada masa penjajahan bangsa-bangsa Eropah-Indonesia dijajah oleh Belanda dan Malaysia dijajah oleh Inggeris. Perbezaan menentukan arah perjalanan kesusasteraan di kedua-dua negara ini berbeza.

Menurut Mahayana (1995:vi-vii), kesusasteraan Inggeris yang banyak diperkenalkan oleh pemerintah kolonial Inggeris tidak mendapat tempat dalam kalangan sasterawan Malaysia. Mereka lebih berasa bangga dan tidak mahu meninggalkan tradisi kesusasteraan Melayu yang menjadi akar tradisinya. Sebaliknya pula, banyak sasterawan dan intelektual Indonesia yang menyerap pengaruh pendidikan Belanda secara langsung, di samping sebahagiannya mendapat pengaruh budaya daerah masing-masing yang memiliki kekhasan sendiri dan sangat beraneka ragam pula (Indonesia sebagai negara yang besar memiliki amat banyak budaya lokal, budaya daerah, dan atau budaya suku bangsa). Dengan demikian, sangat nyata patriotisme sasterawan Malaysia dalam memelihara akar tradisi kesusasteraannya dalam menghadapi pengaruh kesusasteraan Inggeris yang diupayakan oleh penjajah Inggeris. Pertembungan sasterawan intelektual Malaysia dengan kesusasteraan dunia juga membawa kemajuan pesat bagi kesusasteraan Malaysia.

Dalam keadaan serupa itu, adakah pengaruh kesusasteraan Malaysia terhadap patriotisme bangsa Indonesia? Jawabnya, tentu saja ada. Kesusasteraan kedua negara ini pada awalnya berakar dari tradisi yang sama: Kesusasteraan Melayu. Sebahagian bangsa Indonesia, khasnya mereka yang bersuku Melayu, dalam kehidupan sehari-harinya memang mengamalkan budaya Melayu, di samping sebahagian besar lainnya mengamalkan budaya daerah masing-masing. Tulisan ini merupakan upaya untuk mendedahkan perkara itu.

## Pengaruh Kesusasteraan Malaysia: yang Klasik dan yang Moden

Dihubungkaitkan dengan patriotisme, kesusasteraan klasik Malaysia berpengaruh terhadap bangsa Indonesia. Sebaliknya pula, kesusasteraan moden Malaysia tidak

*\*Datuk Abdul Malik adalah Dekan, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Maratim Raja Ali Haji (UMRAH), Tanjung Pinang, Kepulauan Riau, Indonesia*



banyak dikenal oleh sebahagian besar bangsa Indonesia. Ada beberapa faktor yang menyebabkan perkara itu boleh berlaku.

Pertama, kesusasteraan klasik Malaysia telah berwujud sejak ratusan tahun yang silam, sedangkan kesusasteraan moden baru berkembang beberapa dekad sahaja. Oleh itu, bangsa Indonesia lebih mengenal kesusasteraan klasik Malaysia berbanding kesusasteraan moden.

Kedua, kesusasteraan klasik Malaysia, *Hikayat Hang Tuah*, misalnya, dipelajari di sekolah-sekolah di Indonesia, sedangkan kesusasteraan moden Malaysia hanya dikaji oleh kalangan terbatas iaitu oleh para mahasiswa dan sarjana sastra di dalam mata kuliah Sastra Bandingan di Jurusan Sastra Indonesia, Fakultas Sastra dan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, universitas-universitas di Indonesia. Oleh itu, bangsa Indonesia yang mempelajari kesusasteraan moden Malaysia sangat terbatas jumlahnya.

Ketiga, pengalaman sejarah politik Indonesia dan Malaysia yang condong berbeza, terutama semenjak bermulanya penjajahan oleh bangsa-bangsa Barat sampailah kepada zaman merdeka sekarang, menyebabkan bangsa Indonesia, terutama golongan muda, lebih mementingkan kesusasteraan moden Indonesia untuk diambil sebagai pedoman nilai, termasuk nilai patriotisme, dibandingkan dengan kesusasteraan moden negara lain, termasuk kesusasteraan moden Malaysia.

Kelempat, buku-buku kesusasteraan klasik Malaysia tersebar luas dalam kalangan penduduk Indonesia, sekurang-kurangnya pada suatu masa dahulu, *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)* dan *Hikayat Hang Tuah*; Al-Karya bertulis itu berkembang menjadi cerita-cerita dari mulut ke mulut sehingga orang-orang yang tidak pernah membacanya pun dapat mengetahuinya berdasarkan cerita lisan yang disampaikan. Dalam hal ini, versi bertulis berubah menjadi versi lisan sehingga orang yang tak mampu dan tidak gemar membaca pun boleh mengetahui ceritanya. Sebaliknya pula, buku-buku kesusasteraan moden Malaysia sangat susah diperoleh di kedai-kedai buku di Indonesia. Hanya beberapa kalangan sarjana atau pengkaji sastra saja yang memilikinya kerana perhubungan mereka secara langsung dengan sasterawan, sarjana, dan atau pengkaji kesusasteraan Malaysia.

Kelima, buku-buku terbitan Malaysia relatif lebih mahal harganya dibandingkan dengan buku-buku terbitan Indonesia, termasuk buku-buku kesusasteraan. Faktor itu juga menjadi penyebab masyarakat Indonesia, khususnya pelajar dan mahasiswa, agak susah mendapatkan buku-buku kesusasteraan moden Malaysia. Kerana perbezaan harga yang cukup besar itu, para pembaca di Indonesia lebih banyak memilih buku-buku terbitan dalam negeri (Indonesia) dibandingkan dengan buku-buku terbitan luar negeri, termasuk buku-buku terbitan Malaysia.

Sebetulnya, persoalan kurangnya pendedaran itulah yang menjadi penyebab utama kurang kenalnya masyarakat Indonesia akan kesusasteraan moden Malaysia. Padahal, karya seni Malaysia cukup diminati oleh masyarakat Indonesia. Semestinya karya sastra moden Malaysia juga begitu.

Di sini diambil contoh karya seni dari *genre* yang lain. Lagu-lagu Malaysia yang dinyanyikan oleh *maestro* atau Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan isteri beliau, Datin Saloma, masih tetap kekal di hati masyarakat Indonesia sehingga kini.

Lagu-lagu beliau tidak hanya digemari oleh kalangan tua, tetapi juga kalangan muda. Kaset dan VCD-nya mudah diperoleh serta terus diputar oleh stesyen-stesyen radio di daerah-daerah Indonesia yang berakar dan mengamalkan budaya Melayu seperti Kepulauan Riau, Riau, sebagian Sumatera Utara, Bangka-Belitung, dan Kalimantan Barat. Filem-filem Allahyarham Tan Sri P. Ramlee pun masih sangat digemari oleh penonton Indonesia sehingga kini. Dari kalangan penyanyi Malaysia masa kini, sosok itu ada pada diri Datuk Siti Nurhaliza. Peminat beliau sangat ramai di Indonesia, sama ada tua ataupun muda. Beliau sering tampil di televisyen Indonesia, kaset dan VCD-nya banyak dijual di Indonesia, dan stesyen-stesyen radio Indonesia selalu memutar lagu-lagu beliau.

Beberapa tahun silam sebuah drama televisyen Malaysia, *Primadona*, sangat disukai oleh penonton Indonesia. Drama itu ditayangkan secara bersiri setiap minggu di salah satu stesyen televisyen Indonesia. Sayangnya, setelah itu tidak ada lagi drama Malaysia yang ditayangkan di stesyen televisyen Indonesia, entah apalah sebabnya, sedangkan drama Indonesia (sinema elektronik atau sinetron) masih banyak ditayangkan di stesyen televisyen Malaysia.

Ini yang paling menarik setakat ini. Tokoh Upin, Ipin, keluarganya, dan sahabat-sahabatnya menjadi idola sebagian besar kanak-kanak Indonesia, bahkan juga orang-orang dewasa, terutama tokoh Upin dan Ipin. Sifatnya yang cerdas, berbudi pekerti, lucu, bersahabat, ramah-tamah, dan sebagainya membuat penonton rela menantikan setiap penayangannya.

Tokoh filem animasi *Upin dan Ipin* yang juga sangat berkesan dan berpengaruh terhadap anak-anak Indonesia untuk lain ialah Guru atau Cikgu Jasmin. Wataknya yang cerdas, penyabar, dan penyayang terhadap murid-muridnya menyebabkan anak-anak sangat menyukainya. Mengikuti anak-anak Indonesia, itu semua guru bersifat dan berperilaku seperti Cikgu Jasmin, kesemua anak-anak akan lekas pandai dan suka bersekolah. Begitulah berpengaruhnya watak Cikgu perempuan itu di kalangan anak-anak sekolah di Indonesia.

Hal-hal yang diperikan di atas boleh berlaku kerana filem animasi *Upin dan Ipin* ditayangkan secara berterusan sampai sekarang oleh stesyen televisyen Indonesia, MNC TV, du'lu Televisi Pendidikan Indonesia (TPI). Selain itu juga VCD-nya sangat banyak dijual di Indonesia dengan harga yang lebih kurang sama dengan VCD-VCD lain yang beredar di Indonesia. VCD filem animasi Upin dan Ipin termasuk yang sangat laris terjual di hampir semua bandar di Indonesia.

Berbeza dengan huraian di atas, buku-buku kesusasteraan moden Malaysia menjadi barang langka (susah didapat) di Indonesia. Akibatnya, tak banyak masyarakat Indonesia yang mengenal sasterawan moden Malaysia dan karya-karya mereka. Padahal, karya sastra moden Malaysia sangat patut dibaca oleh khalayak pembaca di Indonesia kerana kedua bangsa ini serumpun. Yang banyak beredar, malah, karya sastra klasik Malaysia yang dicetak dan diterbitkan ulang, terutama yang diterbitkan oleh penerbit Indonesia. Kerana diterbitkan di Indonesia, harganya menjadi lebih murah sehingga sesuai dengan daya beli sebahagian besar masyarakat Indonesia.



### Hikayat Hang Tuah: Penyebar Virus Patriotisme

Kesusasteraan Malaysia yang paling kuat pengaruhnya terhadap patriotisme bangsa Indonesia adalah *Hikayat Hang Tuah*. Pengaruh itu paling terasa terutama bagi masyarakat Indonesia suku Melayu yang bermastautin di Provinsi Kepulauan Riau, Riau, sebagian Sumatera Utara, Sumatera Selatan, Bangka-Belitung, dan Kalimantan Barat. Di kawasan-kawasan itu pengaruh *Hikayat Hang Tuah*—khususnya pengaruh tokoh-tokohnya Hang Tuah, Hang Jebat, dan Bendahara Paduka Raja—telah berlangsung sejak zaman-berzaman hingga sekarang. Nilai-nilai yang terkandung di dalam hikayat ini, termasuk nilai patriotisme, menjadi pedoman nilai dalam hidup bagi orang Melayu Indonesia, sama ada generasi tua ataupun generasi muda. Inilah contoh karya sastra yang tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan.

Cerita dan tokoh-tokoh *Hikayat Hang Tuah* terus sahaja menjadi perbincangan kesemua peringkat usia. Fikiran, perasaan, sikap, dan tingkah laku tokoh dijadikan tauladan dan pedoman hidup, termasuk semangat patriotisme di dalam diri setiap tokoh cerita itu. Perdebatan tentang manakah pahlawan atau wira sejati, Hang Tuah atau Hang Jebat, masih terus berlangsung sampai setakat ini. Bahkan, cerita *Hikayat Hang Tuah* itu dihubungkan dengan gejala kehidupan masa kini dalam pelbagai aspek: politik, pemerintahan (pentadbiran negeri/negara), ekonomi, adat-istiadat, budaya, agama, dan sebagainya.

Di samping nilai-nilai yang difahami selama ini, nilai-nilai itu terus mengalami reinterpretasi, terutama oleh kalangan orang muda. Di antara nilai-nilai yang kerap menjadi perdebatan ialah nilai utama yang menjadi tema *Hikayat Hang Tuah* iaitu kesetiaan dan ketaatan. Demikian juga pula nilai-nilai keadilan, kebijaksanaan, kearifan, persahabatan, cinta-kasih, kerjasama, kerja keras, dan sebagainya yang memunculkan patriotisme terus didalami oleh generasi muda di kawasan Melayu Indonesia dewasa ini.

Perkara itu memang mustahak kerana kesemua itu membentuk pemikiran dan jati diri orang Melayu. Pada gilirannya, nilai-nilai baik yang membentuk mentaliti itu menjadi pedoman, daya dorong atau pemacu semangat dalam kehidupan, Pemikiran dan jati diri itulah yang memungkinkan sesuatu bangsa diperhitungkan keberadaannya di dunia ini, tak terkecuali bangsa Melayu. Oleh itu, generasi Melayu pada masa kini perlu memperkasa mentaliti dan jati diri mereka supaya tetap eksis di dalam pergaulan dengan bangsa mana pun di kampung sejangat ini. Dengan perkataan lain, generasi muda Melayu memerlukan pedoman nilai yang bersumber dari warisan terala (luhur) nenek-moyangnya sendiri untuk membentuk mentaliti dan jati diri, termasuk semangat patriotisme. Nilai-nilai baik daripada bangsa lain tentu saja boleh diambil sepanjang tak bertentangan dengan dengan nilai-nilai terala di dalam budaya Melayu itu sendiri.

Siti Hawa (2009:383-401) menempatkan *Hikayat Hang Tuah* sebagai epik Melayu yang membanggakan. Sehingga kini cerita-cerita di dalam *Hikayat Hang Tuah* tetap tersemat di dalam minda dan hati sanubari orang Melayu di mana pun mereka bermastautin. Mengikuti Siti Hawa lagi, objektif dan tema *Hikayat Hang Tuah* ditempatkan pengarangnya pada permulaan pengisahan.

"... Ini hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya" (Siti Hawa, 2009:389)

Jelaslah bahwa *Hikayat Hang Tuah* dimaksudkan oleh pengarangnya untuk menonjolkan ketokohan Hang Tuah dengan sifatnya yang taat dan setia kepada raja dan negaranya. Tokoh-tokoh lain diadakan, bahkan dikorbankan, untuk mendokong ketokohan Hang Tuah. Hang Jebat, harus dibunuh oleh Hang Tuah demi ketaatan dan kesetiannya kepada negara (atau raja?).

Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, dan Hang Lekiu memang menjadi idola pemuda Melayu, terutama Hang Tuah dan Hang Jebat. Kesempurnaan tubuh, sifat, dan perangai mereka sebagai wira sungguh mempersona. Sifat mereka yang rajin menuntut ilmu dan bekerja keras memungkinkan mereka mengubah status diri daripada rakyat biasa menjadi pembesar negeri. Mereka memperoleh status itu bukan secara terwaris, melainkan dengan jerih payah yang tanpa mengenal lelah dan putus asa. Keberanian mereka dalam membela negara tidak ada tolak bandingnya. Kerana kesetiaan dan keberanian itulah, kesemua bangsa lain menaruh hormat kepada mereka, pemimpin mereka, dan negara mereka.

Kecuali itu, jika Hang Tuah disebutkan "mulutnya dengan manisnya berkata-kata", Hang Jebat pula diperikan oleh pengarang dengan "perkataannya keras". Guru mereka, Sang Aria Putera jauh-jauh hari lagi telah meramalkan bahawa kelima orang bersahabat itu akan menjadi pegawai besar. Hang Tuah dan ketiga-tiga sahabatnya, tidak termasuk Hang Jebat, juga diramalkan akan bernasib baik di kemudian hari. Bahkan, Hang Tuah diberitahukan oleh gurunya itu bahawa dia akan terbebas dari segala perbuatan hasad dengki dan fitnah yang dihalakan kepadanya. Kesemuanya itu menjadi isyarat bahawa pada akhirnya Hang Tuah akan dipertentangkan dengan sahabatnya Hang Jebat.

Pada tokoh Bendahara Paduka Raja juga boleh diambil contoh ketaatan dan kesetiaan kepada raja dan negara. Kebijaksanaan, kearifan, dan kepaiwaiannya dalam menyelamatkan negeri atau negara dan raja. Wajar dicontohi anak mereka. Hanya kerana jauh lebih tua dan tidak bertempur langsung di medan perang, dia berada di bawah ketokohan Hang Tuah. Walaupun begitu, nilai patriotisme sangat ketara pada tokoh Bendahara Paduka Raja ini. Ketokohnya mengingatkan kita akan watak Demang Lebar Daun di dalam *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)*.

Tokoh raja pula diperikan sangat taksa, ambiguiti. Dia condong memainkan keadilan sesuai dengan selernya sendiri. "Kebijaksanaan" dalam mentadbirkan negara membuat pembaca berasa cemas pada situasi tertentu. Khususnya ketika "pendurhakaan" Hang Jebat. Hukuman mati yang dijatuhkan kepada Hang Tuah yang selama ini sangat taat dan setia kepada raja dan negara membangkitkan kemarahan Hang Jebat. Bukan sekali pula Hang Tuah diperlakukan seperti itu, melainkan dua kali. Raja seolah-olah tidak memiliki kemampuan nurani untuk membezakan kasa dengan cindai; kaca dengan permata. Pengarang seolah-olah hendak menegaskan bahawa selagi bernama manusia, raja pun memiliki kelemahan, di samping kelebihan yang ada padanya.

Dalam keadaan sedemikian tidak ada jalan lain bagi Hang Jebat, melainkan menuntut bela. Tindakan Hang Jebat itu mengingatkan kita akan "Sumpah Setia Melayu" antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba di dalam *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)*. Dalam hal ini, bukankah raja yang mengubah sumpah setia itu?



Maka sembah Demang Lebar Daun, "Adapun Tuanku segala anak cucu patik sedia jadi hamba ke bawah duli Yang Dipertuan; hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu Duli Tuanku. Dan, (jikalau) ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun, jangan ia difadhihkan, dinista dengan kata yang jahat; jikalau besar dosanya dibunuh, itu pun jikalau berlaku pada hukum syara'."

Maka titah Sang Sapurba, "Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah Tuanku, tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubah dia, maka anak cucu patik pun mengubahkannya." Maka titah Seri Tri Buana, "Baiklah, kabullah hamba akan waad itu."

Maka keduanya pun bersumpah-sumpahlah, barang siapa mengubah perjanjiannya itu dibalik(kan) Allah subhanahu wa taala bumbungan rumahnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas (Teeuw dan Situmorang, 1958:26).

Apa pun yang dikatakan oleh ahli sastra dan budaya, ternyata masyarakat penikmat karya sastra memiliki pandangan mereka sendiri. Saya pernah menulis sebuah artikel yang disiarkan pada Ahad, 27 Mac dan 3 April 2011 ruangan "Kolom Budaya" *Batam Pos*, "Karena Hang Tuah Belum Kembali". Tulisan tersebut mendapat tindak balas pembaca yang berkirip pesan singkat melalui bimbit (SMS) kepada saya. Para pengirim SMS itu amnya dari kalangan anak muda. Isi SMS mereka itu dapat dikelompokkan atas dua macam.

Pertama, kelompok yang mengucapkan terima kasih kerana telah mengingatkan mereka kembali akan ketauladanan yang ditunjukkan oleh Hang Tuah dalam membela bangsa dan negara. Semangat patriotisme Hang Tuah patutlah dikekalkan di dalam diri generasi Melayu sampai bila-bila masa pun dan di mana pun mereka berada di muka bumi ini.

Kedua, kelompok yang mengkritik saya. Menurut mereka, Hang Tuah harus dihormati dengan sifat-sifat baiknya yang memang patut ditauladani. Akan tetapi, "penderhakaan" Hang Jebat juga tidak boleh disalahkan kerana dia berani membela kebenaran. Bukankah penguasa yang tidak adil dan zalim yang menyebabkan kesemua perkara buruk itu berlaku? Bahkan, menurut mereka, dalam peristiwa itu Hang Tuah menunjukkan sifatnya yang kurang bijaksana. Bukankah Hang Tuah boleh meniru cara yang dilakukan oleh Bendahara Paduka Raja ketika menyelamatkannya daripada hukuman bunuh? Ternyata, Hang Tuah tak menggunakan cara itu, tetapi betul-betul membunuh Hang Jebat, yang membela Hang Tuah kerana diperlakukan secara tidak adil oleh penguasa.

Berhadapan dengan peristiwa Hang Tuah dan Hang Jebat, generasi muda Melayu di Indonesia memang berada pada dua kubu yang berseberangan itu. Mereka terus mengolahnya menjadi bahagian daripada keperibadian atau jati diri mereka, yang pasti, daripada sekian peristiwa yang diceritakan di dalam *Hikayat Hang Tuah*, punca dan peristiwa perkelahian antara Hang Tuah dan Hang Jebat itulah yang paling menarik perhatian mereka.

Ketika berhadapan dengan tragedi yang menimpa dirinya, Hang Tuah jelas berpendirian bahawa kejahatan atau ketidakadilan haruslah dibalas dengan kebajikan, bukan sebaliknya. Oleh itu, apa pun perlakuan penguasa (raja) terhadap dirinya dibalasnya dengan kebajikan yakni dengan tetap taat setia. Hanya kebaikan yang dapat

mengalahkan kejahatan dan ketidakadilan. Bukankah dengan sikap seperti itu tembok keangkuhan penguasa dapat dirobohkan? Hal itu terbukti tatkala raja menyesali perbuatannya terhadap Hang Tuah dan berasa betul-betul kehilangan laksamana yang setia itu pada saat yang sangat diperlukan.

Nampaknya, bagi Hang Tuah perbuatan penguasa (raja) terhadap dirinya belumlah melampaui sebagaimana yang termaktub dalam sumpah setia Melayu yang dibuat antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba. Oleh itu, tidak ada alasan untuknya melakukan tindak balas yang berlebihan terhadap raja sehingga harus menderhaka. Dengan perkataan lain, tindakan raja itu masih di dalam batas yang dapat dimaklumi sebagai seseorang yang memiliki kekuasaan.

Begitulah Hang Tuah. Sebagai wira Melayu, dia kukuh dengan semboyan, "Tuah sakti hamba negeri. Esa hilang dua terbilang. Patah tumbuh hilang berganti. Tak Melayu hilang di bumi!" Bagi Hang Tuah, dia rela berkorban apa saja demi negerinya. Itulah jalan yang dipilihnya sekali gus patriotisme yang ditunjukkannya. Pilihan itu membawa konsekuensi banyaknya pengikut di belakangnya, tetapi juga tidak kurang pula yang mengkritiknya, terutama caranya menghadapi ketidakadilan yang dilakukan oleh penguasa, terhadap dirinya.

Lain pula bagi Hang Jebat. Baginya, perbuatan penguasa terhadap sahabatnya Hang Tuah betul-betul telah melampaui batas. Tidak ada cara lain untuk mengakhiri ketidakadilan itu, kecuali kejahatan harus dilawan. Sayangnya, dia melawan kejahatan dengan melakukan kejahatan yang lain, yang sangat berbeza dengan jalan yang ditempuh oleh Hang Tuah. Bagi Hang Jebat, raja telah melanggar sumpah setia Melayu. Penguasa telah mengubah sumpah yang sakral itu sehingga tidak ada alasan baginya untuk tidak mengubahkannya pula. Bukankah perkara itu telah disuratkan oleh Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba?

Dengan pilihan itu, Hang Jebat secara lantang meneriakkan pekik perjuangan, "Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah!" Dia bersedia memilih jalan yang daripada sisi penguasa dicapkan sebagai "menderhaka". Dengan jalan yang dipilihnya, memang banyak yang mengecam sikapnya itu. Akan tetapi, di belakangnya juga terdapat sangat banyak pengikut melampaui zaman, khasnya kerana sikap tegasnya melawan ketidakadilan penguasa. Itulah takrif dan nilai patriotisme yang diyakininya: mengabdikan dan setia, tetapi bukan untuk dimalukan, diperlakukan secara tidak adil, dan dizalimi. Sikap tegas yang sungguh menggugah hati. Sayang, Hang Jebat mewujudkan perjuangannya itu, sekali lagi, melalui perbuatan jahat yang lain sehingga mengorbankan orang-orang yang tidak berdosa, bukan secara langsung berdepan dengan penguasa yang dikecamnya.

Keberpihakan kepada Hang Jebat itu seolah-olah juga mendapat "restu" daripada Raja Ali Haji dalam bukunya yang bertajuk *Muqaddima Fi Intizam al-Wazhaif al-Mulk Khususan ila Maulana wa Shahibina wa Akhina Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir II al-Biladi al-Riauwiyah wa Sairi Da-irathi*. Buku ini merupakan risalah yang pendek, tetapi lengkap. Naskahnya dicetak di Pejabat Kerajaan Lingga pada 1304 Hijrah bersamaan dengan 1887 Masehi.

Mengikut Raja Ali Haji, buku itu untuk dijadikan pedoman oleh pemimpin Melayu agar tidak tergelincir ijhtihad sehingga jadi salah. Oleh itu, seorang raja atau penguasa



harus mampu memiliki hati rakyat. Bagaimanakah caranya? Setiap penguasa Melayu harus mampu berlaku adil. Jika pemimpin tidak mampu berlaku adil, seluruh negeri akan bersewajir, yang pada gilirannya negeri yang diterajunya akan menjadi tempat yang secemar-cemarnya.

Perkara keutamaan sifat pemimpin itu diingatkan juga oleh Raja Ali Haji di dalam karyanya *Gurindam Dua Belas*, terutama Pasal 11 bait 2 yang berbunyi sebagai berikut.

*Hendaklah jadi kepala  
Buang perangai yang cela*

### Kesimpulan

Sejauh ini, kelebihan kesusasteraan Malaysia yang memberi kesan terhadap patriotisme bangsa Indonesia baru ditunjukkan oleh kesusasteraan klasik Malaysia, iaitu *Hikayat Hang Tuah*. Hal itu disebabkan oleh *Hikayat Hang Tuah* telah lama ditulis sehingga cukup banyak dan luas tersebar di Indonesia, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Indonesia. *Hikayat Hang Tuah* juga diajarkan dalam mata pelajaran bahasa dan Sastra Indonesia di sekolah-sekolah sehingga berkesan di minda dan hati para pelajar.

Kesusasteraan moden Malaysia baru dikenal oleh kalangan terbatas di Indonesia. Karya sastra moden Malaysia itu hanya dipelajari oleh para pelajar peringkat universiti, Jurusan Bahasa dan Sastra Indonesia, di Fakultas Sastra dan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan di dalam mata kuliah Sastra Bandingan. Selain itu, para pengkaji sastra Indonesia walau tak kesemuanya dapat memiliki karya sastra moden Malaysia. Kurangnya buku-buku sastra moden Malaysia yang masuk ke Indonesia menjadi kesusasteraan moden Malaysia tidak begitu dikenali masyarakat Indonesia.

*Hikayat Hang Tuah* telah berhasil memberikan pengaruh positif terhadap patriotisme masyarakat Indonesia, terutama masyarakat Melayu-Indonesia. Sehingga ini, tokoh-tokoh, watak, dan peristiwa yang diceritakan di dalam hikayat itu masih terus menjadi perbincangan. Bagi para pemuda Melayu-Indonesia, mereka dihadapkan pada pilihan yang rumit: hendak berpihak kepada Hang Tuah atau Hang Jebat dalam menunjukkan jati diri Melayu. Pilihan kepada Hang Jebat, justeru, makin berkembang di kalangan generasi muda Melayu-Indonesia masa kini. Perbezaan ruang dan waktu barangkali menjadi faktor utama peralihan pilihan ke arah itu.

### Bibliografi

- Balai Pustaka, 1948. *Hikayat Hang Tuah*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Braginsky, V.I., 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji, Raja Ali, 1854. "Gurindam Dua Belas," dalam E. Netscher, *Tijdschrift van het Bataviaasch Genootschap*, 1854, hlm. 14—21.
- \_\_\_\_\_. 1887. *Muqaddima Fi Intizam*. Lingga: Pejabat Kerajaan Lingga.

- Mahayana, Maman S, 1995. *Kesusasteraan Malaysia Modern*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Malik, Abdul dan Hasan Junus, 2000. "Studi tentang Himpunan Karya Raja Ali Haji". Pekanbaru: Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Propinsi Riau dan Pusat Penelitian Kebudayaan dan Kemasyarakatan, Universitas Riau.
- Malik, Abdul, 2009. *Memelihara Warisan yang Agung*. Yogyakarta: Akar Indonesia.
- \_\_\_\_\_. 2011. "Karena Hang Tuah Belum Kembali," *Kolom Budaya, Surat Kabar Batam Pos*, Ahad, 27 Maret dan 3 April 2011.
- Salleh, Siti Hawa Haji, 2009. *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shadik, Faishal, 2008. "Politik Islam Melayu (Studi Pemikiran Raja Ali Haji 1808—1873)" dalam [www.rajaalihaji.com](http://www.rajaalihaji.com), Ahad, 15 Dzulhijjah 1429, 14 Desember 2008.